

ISTIADAT KERJAN UNDANG LUAK JELEBU
DATO' ABU BAKAR BIN MAAMOR
TAHUN 1997

SABDA KHAS YANG AMAT MULIA UNDANG JELEBU

DATO' MENDIKA MEN

HIRULZAMAN ABU BAKAR BIN MAAMOR.

0000000-----


Sabagai menyempurnakan permohonan dan menyambut permintaan pehak yang menyelenggarakan "Chendera Mata" bagi memperingati hari berbahagia ini kami dengan suka cita-nya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sembilan kerana telah menguntokkan wang untok menjayakan Istiadat Tabal kami pada hari ini.


Seterus-nya kami mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan Ahli2 Jawatan Kuasa Istiadat Tabal dan Perayaan yang telah berpenat lelah dan bertungkus lumus sejak beberapa hari yang telah lalu kerana menyumbangkan tenaga, kerjasama dan jasa baik mereka bagi merenchang dan menjayakan sambutan2 yang di-berikan kepada kami. Juga kami menyampaikan ucapan terima kasih kepada raayat jelata dalam Luak Jelebu ini kerana telah sudi dan sempat mengambil bahagian yang chergas bersama2. Kepada kanak2 Sekolah yang mengambil bahagian meraya dan meraikan kami di-ucapkan terima kasih dan shabas juga atas minat mereka itu.

Untuk mengakhiri ucapan kami ini lagi sekali kami ucapkan sa-tinggi2 terima kasih kepada Tuan Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah Jelebu dan Jabatan2 dan Pejabat2 Kerajaan dalam Daerah Jelebu serta kakitangan2 mereka, Guru2 Besar dan Guru2 Sekolah Kebangsaan dan Jenis Kebangsaan, Dato'2 Lembaga dan seluruh raayat jelata yang ada di-Luak Jelebu ini atas khidmat2 yang mereka berikan kepada kami.

Wassalam.

Tertulis di-Balai Undang
Luak Jelebu,
pada 4hb. November 1967.


Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman
Abu Bakar bin Maamor
Undang Luak Jelebu, N.S.



Y.A. M. Dato' Abu Bakar bin Maamor
Undang Luak Jelebu



To' Puan Noredah binti Othman

RENGKASAN RIWAYAT HIDUP YANG AMAT MULIA,
DATO' MENDIKA MENTERI AKHIRULZAMAN ABU BAKAR BIN MAAMOR
UNDANG LUAK JELEBU.

-----di 2000-----

Kebawah Kaus Yang Amat Mulia Dato'Mendika Menteri Akhirulzaman Abu Bakar bin Maamor Undang Luak Jelebu, telah di-lahirkan di-Kampung Chenor dalam Mukim Peradong Jelebu, pada tanggal 8 haribulan Mei 1932. Yang Amat Mulia ia-lah nisab dari Waris Suku Biduanda, Waris ber-Undang iaitu Waris Ulu Jelebu, Charak Moyang Chindai. Yang Amat Mulia ia-lah anak yang ketiga dalam keluarga-nya dan anak laki2 yang pertama dari keluarga yang sederhana segala2-nya. Ayahanda-nya ia-lah dari Waris Dato' Shahbandar waris di-ayer Jelebu.

Apabila umur-nya menengkat ka-zaman persekolahan maka Yang Amat Mulia telah di-masokkan belajar di-Sekolah Melayu Kampai tiada berapa jauh dari Kampung-nya. Di-kala perengkat akhir sampai di-Sekolah Melayu maka Peperangan Dunia yang Kedua telah mengganggu alam persekolahan-nya. Akhir-nya sa-telah tamat perang di-sini dengan daya usaha Yang Amat Mulia sendiri dapat melanjutkan persekolahan-nya dalam aliran Bahasa Inggeris lalu-lah ber-peluang menambahkan pengetahuan melanjutkan persekolahan-nya di-Sekolah King George V Seremban hingga akhir tahun 1952.

Sa-lepas tamat ber-Sekolah Yang Amat Mulia masok berkhidmat dengan Kerajaan menjadi guru lalu memasoki Kelas Latehan mengajar Bahasa Inggeris di-Pusat Latehan mengajar mingguan di-Seremban. Yang Amat Mulia mula2 berkhidmat pada 10 haribulan March 1953 di-Undang Rembau English School Rembau. Yang Amat Mulia tamat Kelas Latehan Mengajar pada tahun 1956 lalu bertukar mengajar di-Chembong English School. Pada pertengahan tahun 1956 telah bertugas mengambil alih Sekolah Rendah Inggeris Astana Raja sebagai guru pengawal.

Yang Amat Mulia telah berkhidmat dalam berbagai2 lapangan pertubuhan Sukarela dan ke-Masharakatan; jawatan2-nya ia-lah Pengasas dan Librarian Gurney Memorial Library Pekan Rembau, Setia Usaha Rembau Youth Organisation dan Jawatan Kuasa negeri Negeri Sembilan Youth Council, gerakan Cub dan Pengakap, St. John Ambulance, lalu menubuhkan bersama Cadet St. John Ambulance untuk Sekolah Tempatan. Dilapangan ka-Masharakatan berkhidmat dalam Jawatan Kuasa Persatuan Adult Education Movement dan Red Cross, Jawatan Kuasa Peranchang Young Workers Movement Malaysia bahagian Seremban, Persatuan Guru2 Bahasa Inggeris Khas chawangan N.Sembilan. Sebagai Pengerusi Chawangan dan Jawatan Kuasa Pusat Malaysia.

Dalam persuratan Yang Amat Mulia giat juga menulis Article dalam hal2 berkenaan Negeri Sembilan di-halaman2 Akhbar Tempatan. Yang Amat Mulia ia-lah Pengarang "Chahaya" Majallah keluaran Sekolah Kebangsaan Ampangan Seremban di-mana jawatan akhir-nya ia-lah guru Bahasa Inggeris Khas sejak 14 haribulan September 1957.

Sokan yang di-gemari oleh Yang Amat Mulia dari masa Sekolah lagi dan masa mengajar jadi guru Badminton Sekolah-nya, semasa bekerja bermain Tennis dan masa ini chenderong juga dalam permainan Golf.

Sokan yang di-gemari oleh Yang Amat Mulia dari Sekolah lagi dan masa mengajar jadi guru Badminton Sekolah-nya, semasa bekerja bermain Tennis dan masa ini chenderong juga dalam permainan Golf.

Yang Amat Mulia telah berkahwin dengan To'Puan Noredah binti Othman pada 15 haribulan Ogos 1957 di-Alor Star, Kedah. Dengan perkahwinan ini Yang Amat Mulia telah di-Anugerahi dengan dua orang anak perempuan.

Pada 30 haribulan Ogos 1965 Yang Amat Mulia telah di-pilih oleh Lembaga2 yang Delapan Jelebu menjunjong pesaka menjadi Undang Luak Jelebu, Negeri Sembilan gelaran Dato'Mendika Menteri Akhirulzaman.

RENGKASAN REWAT HIDUP YANG AMAT MULIA TO'PUAN NOREDAH BINTI OTHMAN.

Yang Amat Mulia To'Puan Noredah binti Othman telah di-lahirkan di-Kampung Kampai pada tanggal 7hb. September 1937. Ia-nya ia-lah anak sulung Inche' Othman bin Mohammad Lela dari waris Ulu Jelebu yang berkhidmat sebagai Pegawai Tanam Samula Kelapa Malaysia Barat hingga masa ini.

Alam persekolahan-nya ber-mula di-Sekolah Melayu Rahang dan kemudian-nya bertukar ka-Rembau oleh sebab mengikut bapa-nya. Salepas itu melanjutkan pelajaran-nya di-Sekolah Convent Seremban, selama 7 tahun dan akhir sekali di-Sekolah Clifford Kuala Lipis. Semasa ber-Sekolah ia bermain Netball untok pasukan Sekolah-nya dan Badminton. Ia juga chergas dalam gerakan Pandu Putri.

Salepas tamat ber-Sekolah ber-khidmat dengan Kerajaan sebagai Talipon Operator di-Alor Star Kedah, dan kemudian di-Seremban setelah ber-kahwin dengan Dato' Abu Bakar. Ia meletakkan jawatan-nya apabila suami-nya di-lantek menjadi Undang Luak Jelebu.

Buat masa ini ia ada-lah mengambil berat dalam hal Kebajikan Wanita Islam dan Perkumpolan Perempuan.

SEPATAH DUA KATA DARIPADA YANG AMAT BERTHORMAT
DATO' MENTERI BESAR, NEGERI SEMBILAN, TAN SRI
(DR.) MOHD. SAID BIN MOHAMED, PMN, PPT.

Saya berasa sukachita dan mengucapkan berbanyak2 terima kaseh kerana di-beri peluang memberi sepatah dua kata di-dalam Buku Chendera Mata mengambil sempena hari mengerjakan Yang Amat Mulia Dato' Abu Bakar bin Ma'amor, Undang Luak Jelebu pada hari ini.

Dengan kehendak Tuhan Yang Maha Kuasa ka-atas Allah Yarham Dato' Shah-maruddin bin Haji Abdul Rahman, maka Pesaka Undang Luak Jelebu telah menjadi kosong. Mengikut Perlembagaan Negeri ini ganti-nya yang akan menyandang Pesaka itu hendak-lah sa-orang yang di-pilih dengan sah-nya mengikut Adat Luak Jelebu. Oleh itu dengan kebulatan pehak2 yang berkuasa Adat di-Luak Jelebu, maka Yang Mulia Enche' Abu Bakar bin Ma'amor telah di-pilih dengan sah-nya menjadi Undang Luak Jelebu dengan gelaran Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman.

Oleh itu, saya sebagai Menteri Besar dan juga bagi pehak Kerajaan Negeri Sembilan dengan amat sukachita-nya mengambil peluang menerusi lambang buku Chendera Mata ini mengucapkan sa-tinggi2 tahniah kepada Yang Amat Mulia itu pada hari yang berbahagia dan bersejarah ini.

Sebagai sa-orang Undang Luak, Yang Amat Mulia ini ada-lah bertanggung jawab di-atas pemerintahan Negeri Sembilan ini, khas-nya dalam Luak Jelebu, dan tidak-lah shak lagi bahawa lantekan kapada Yang Amat Mulia itu sa-memang-lah sudah kena pada orang-nya, dan kita semua yakin bahawa Yang Amat Mulia itu akan dapat menjalankan tugas kewajipan-nya sebagai sa-orang Undang Luak dengan aman dan damai dan memberi sa-penoh2 kerjasama-nya kapada Kerajaan Negeri Sembilan ini.

Akhir-nya, saya berdo'a mudah2an Tuhan lanjutkan usia Yang Amat Mulia Undang Dato' dan sentiasa di-chuchuri rahmat dan berada di-dalam keadaan sehat wal'afiat selama2-nya.

Pejabat Menteri Besar,
Negeri Sembilan.

Seremban, 4hb. November, 1967.

(Tan Sri (Dr.) Mohamed Said bin Mohamed)
MENTERI BESAR,
NEGERI SEMBILAN.

SEPATAH DUA KATA DARIPADA YANG AMAT BERTHORMAT
DATO' MENTERI BESAR, NEGERI SEMBILAN, TAN SRI
(DR.) MOHD. SAID BIN MOHAMED, PMN, PPT.

Saya berasa sukachita dan mengucapkan berbanyak2 terima kaseh kerana di-beri peluang memberi sepatah dua kata di-dalam Buku Chendera Mata mengambil sempena hari mengerjakan Yang Amat Mulia Dato' Abu Bakar bin Ma'amor, Undang Luak Jelebu pada hari ini.

Dengan kehendak Tuhan Yang Maha Kuasa ka-atas Allah Yarham Dato' Shah-maruddin bin Haji Abdul Rahman, maka Pesaka Undang Luak Jelebu telah menjadi kosong. Mengikut Perlembagaan Negeri ini ganti-nya yang akan menyandang Pesaka itu hendak-lah sa-orang yang di-pileh dengan sah-nya mengikut Adat Luak Jelebu. Oleh itu dengan kebulatan pihak2 yang berkuasa Adat di-Luak Jelebu, maka Yang Mulia Enche' Abu Bakar bin Ma'amor telah di-pileh dengan sah-nya menjadi Undang Luak Jelebu dengan gelaran Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman.

Oleh itu, saya sebagai Menteri Besar dan juga bagi pihak Kerajaan Negeri Sembilan dengan amat sukachita-nya mengambil peluang menerusi lambang buku Chendera Mata ini mengucapkan sa-tinggi2 tahniah kepada Yang Amat Mulia itu pada hari yang berbahagia dan bersejarah ini.

Sebagai sa-orang Undang Luak, Yang Amat Mulia ini ada-lah bertanggung jawab di-atas pemerentahan Negeri Sembilan ini, khas-nya dalam Luak Jelebu, dan tidak-lah shak lagi bahawa lantekan kepada Yang Amat Mulia itu sa-memang-lah sudah kena pada orang-nya, dan kita semua yakin bahawa Yang Amat Mulia itu akan dapat menjalankan tugas kewajipan-nya sebagai sa-orang Undang Luak dengan aman dan damai dan memberi sa-penoh2 kerjasama-nya kepada Kerajaan Negeri Sembilan ini.

Akhir-nya, saya berdo'a mudah2an Tuhan lanjutkan usia Yang Amat Mulia Undang Dato' dan sentiasa di-chuchuri rahmat dan berada di-dalam keadaan sehat wal'afiat selama2-nya.

Pejabat Menteri Besar,
Negeri Sembilan.

Seremban, 4hb. November, 1967.

(Tan Sri (Dr.) Mohamed Said bin Mohamed)
MENTERI BESAR,
NEGERI SEMBILAN.

UCHAPAN TUAN PEGAWAI DAERAH JELEBU
~~Inche' Muhammad Yassin bin Mustapha PJK, PDLN.~~

Pada hari yang berbahagia dan bersejarah ini sabagai menyambut permintaan yang mengelolakan "Chendera Mata" ini, sabagai Pegawai Daerah terlebih dahulu ada-lah dengan sukachita-nya saya melafadzkan sa-tinggi2 tahniah kapada Yang Amat Mulia Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman Abu Bakar bin Maamor yang telah di-lantek menyandang pesaka Undang Luak Jelebu yang di-Tabal pada hari ini.


Atas sifat sabagai Pengerusi Istiadat Tabal pada hari ini saya ada-lah mengambil kesempatan melalui "Chendera Mata" ini menguchapkan tahniah dan terima kaseh kapada ahli2 Jawatan Kuasa Besar, Pengerusi2 dan ahli2 Jawatan Kuasa Kechil tiap2 Bahagian, yang telah berpenat lelah menyumbangkan tenaga bagi menjayakan Istiadat Tabal Yang Ama Mulia Undang Luak Jelebu ini.

Uchapan terima kaseh khas saya tujukan kapada Inche' Abdul Rahman bin Ismail, Penolong Pegawai Daerah Jelebu kerana usaha-nya sabagai Setia Usaha dan Bendahari kapada Jawatan Kuasa Besar Istiadat Tabal ini yang mana telah menumpukan segala tenaga dan daya usaha-nya bagi hari yang bersejarah ini.

Rasa saya tidak-lah sempurna tugas2 saya sabagai Pengerusi Istiadat Tabal ini, sekira-nya saya tidak menyampaikan terima kaseh saya kapada Dato'2 Lembaga, Ketua2 Jabatan dan Pejabat Kerajaan, saperti Jabatan Kerja Raya, Jabatan Polis Di-Raja, Jabatan Penerangan, Majlis Lembaga Bandaran, Jabatan Orang Asli, Lembaga Letrik Negara, Pejabat Pos, Pejabat Talikum, Pejabat Daerah Jelebu dan saterus-nya kapada semua kaki tangan Jabatan2 yang ter-sebut kerana perkhidmatan2-nya yang telah di-berikan. Saya juga tidak lupa menguchapkan terima kaseh kapada Ketua2 Kaum, Guru2 dan Murid2 Sekolah Kebangsaan dan Jenis Kebangsaan dalam Daerah Jelebu ini yang telah memberikan kerjasama-nya bagi menjayakan maksud dan chita2 kita semua.

Bagi mengakhiri ucapan ini mari-lah kita semua ber-do' akahadzrat Tuhan mudah2-an Yang Amat Mulia Undang Luak Jelebu ada-lah sentiasa dalam kaadaan sehat walafiat, di-lanjutkan umor dan dalam peliharaan-nya.

Pejabat Daerah Jelebu,
Kuala Klawang.
pada 4hb. November 1967.



(Muhammad Yassin bin Mustapha)
Pegawai Daerah Jelebu
dan

PENGERUSI,
Jawatan Kuasa Istiadat Tabal Y.A.M. Undang Luak Jelebu

UCHAPAN TAHNIAH
Selamat Pertabalan Yang Mulia Dato'Undang Luak Jelebu

-----o o o o-----

Bahawa dengan sukachita-nya kami sa-kelian menyampaikan ucapan tahniah dan selamat menyambut hari pertabalan Yang Amat Mulia Dato' Abu Bakar bin Maamor yang telah di-junjungkan Pesaka Dato' Mendeka Menteri Akhiruzzaman Undang Luak Jelebu ini. Maka pada hari yang bertuah lagi bersejarah ini ada-lah pehak kami bagi Dato'2 Lembaga dan warith yang bersaka pesaka khas-nya serta hamba raayat Jelebu seluroh-nya tanpa berasa ragu2 akan menghadapi perubahan baharu pada segi 'Adat dan pesaka menurut sa-bagaimana perbilangan peri bahasa orang tua2 sa-kali ayer gedang, sa-kali tanjong putus, dan sa-kali gedang berganti, sa-kali pula adat berubah.

Sa-sungguh-nya pada hari yang mulia lagi berbahagia ini ada-lah satu hari yang tidak di-lupai ia-itu menjadi batas sempadan di-zaman pemerintahan sa-orang Undang Luak Jelebu kerana di-hari ini melangkah ka-zaman pemerintahan Yang Amat Mulia Dato' Abu Bakar bin Maamor yang telah menyambut giliran di-dalam warith Ulu Jelebu, mengikut sa-bagaimana susunan 'Adat pesaka telah zaman berzaman di-luak ini. Oleh itu segala2 peratoran yang telah lalu itu sayugia-nya di-jadikan turus tauladan sa-bagaimana kata pepatah: yang baik di-jadikan tauladan dan yang burok di-jadikan sempadan.

Sa-sungguh-nya pada hari istiadat pertabalan yang gilang gemilang dalam seri chahaya ini-lah kami pehak Dato'2 lembaga serta warith2 mengangkat sembah ta'at setia serta patoh kapada 'Adat dan pesaka yang turun temurun bagi luak Jelebu ini yang mana sa-benar-nya-lah pada perbilangan: pulai nan berpangkat naik, enau nan berpangkat turun dan kita manusia ini berzaman2, maka zaman itu-lah yang membawa pada segala2 perubahan yang bersesuaian dengankesimpulan kata; panjang di-kerat, pendek di-sambong, bengkok di-pelurus, burok di-baharui, chaboh di-buang; pada segi 'Adat dan atoran.

Pada hari dan sa'at yang berbahagia ini ada-lah kami bagi pehak Dato'2 lembaga serta warith2 mempersembahkan serangkap kata, "Kata 'Adat kata pesaka, ia-lah nan panjang maka di-kerat, nan pendek benar maka di-sombong, nan bengkok maka di-pelurus, nan burok maka di-baharui, nan chaboh juga-lah nan di-buang, nan baik-lah nan sama, di-pakai. Maka atoran ini-lah tali yang ta'mungkin putus dari zaman berzaman hingga-lah di-hari ini yang sewajar-nya patut di-jadikan panduan.

Maka dengan ada-nya perubahan giliran pesaka pada kali ini menepati-lah dengan maana peribahasa: sireh pulang ka-gagang, pinang pulang ka-tampok yaani Undang Luak bergilir kapada asal-nya Warith Ulu Jelebu. Maka pehak kami Dato'2 Lembaga serta warith2 yang berseka pesaka sedia menunggu 2 akan tersusun sa-mula, serta di-patohi bersama2 akan aforan2 'Adat zaman perbakala yang sama2 kita pesakai dari dato'nenek moyang yang dahulu2 itu: mudahan2 dengan di-izinkan Tuhan maka dapat-lat hendak-lah pergaulan, hamba raayat suku2 warith sa-kelian-nya di-dalam Luak Jelebu ini aman damai dan sentosa, serta begitu juga: buahan2 mewah dan padi pun menjadi.

Pada akhir kalam sa-sungguh-nya ada-lah hamba2 dato' sedia berdoa ka-hadzrat Tuhan Rabbi-l-Alamin mudahan2 di-lanjutkan-lah umor usia Yang Amat Mulia Dato'Abu Bakar bin Mucmor serta berkekalan menjunjung Pesaka Dato' Mendeka Menteri Akhiruz-zaman Undang Luak Jelebu.

Tertulis. 4hb. Novembar, 1967.


Dato' Niko Menteri Sah
Mangku Alam Jelebu.

**AHLI2 JAWATAN KUASA BESAR ISTIADAT TABAL
YANG AMAT MULIA DATO'MENDIKA MENTERI AKHIRULZAMAN
ABU BAKAR BIN MAAMOR**

Pada 4hb. November, 1967.

PENGERUSI:

Inche' Muhammad Yassin bin Mustapha PJK, PDLN.
Pegawai Daerah Jelevu

SETIA USAHA DAN BENDAHARI:

Inche' Abdul Rahman bin Ismail PPM.
Pn: Pegawai Daerah Jelevu

PEMBANTU KHAS:

Inche' Othman bin Mohamad Lela

AHLI2:

Y/B. Inche' Idris bin Matsil PJK, JMN, JP.

" " Lim Kim Kee PJK.

" " Aminuddin bin A. Manaf PJK.

Tuan Hj. Syed Mohammad Al-Habshi Pegawai Penjaga Polis Daerah Jelevu.

Inche' Hussin bin Abdullah PJK, AMN. Pm: Kejuruteraan Jelevu.

" S.V. Velloo PJK, J.P.

" Ibrahim bin Hj. Mansor PJK, AMN.

Dato' Menteri Othman bin Baginda

" Ombi Syed Alwi bin S. Idrus

" Raja Balang Said bin Mohammad

" Paduka Sulaiman bin Abd. Ghani

" Maharaja Inda Ujang bin Hj. A. Ghaffar

" Raja Di-Raja Kechek bin Kiman

" Chinchang Abdul Jalil bin Panjang Rambut

" Amar Penghulu Hj. Tasim bin Salim

Inche' Itam bin Wok

" Abdul Karim bin Pongkok

" Abdul Karim bin Sagar AMN.

" Ahmad Ramli bin Abd. Ghani

" Alias bin Abd. Jabbar

Tengku A. Razak bin T.A. Mulok PJK.

Tuan Haji Ludin bin Hj. Taib

Inche' Mohammad Yassin bin Lembang

" Abd. Majid bin Mohd. Taib

" Ishak bin Hj. Zainal

" Kamaruddin bin A. Samad

Tuan Hj. Zakaria bin Basir PJK.

" Hj. Mohd. Taib Bin Hj. Mohammad

Inche' Md. Derus bin Hj. A. Latif

" P.M. Mathew

" J.F. Chelliah

" Francis Xavier

" Goh Toh Poo

" C. Ramasamy

Inche Ishak bin Abd. Kadir

Tuan Syed A. Rashid bin S. Teh

SUSUNAN MAJLIS MENGADAP YANG AMAT MULIA
DATO' MENDIKA MENTERI AKHIRULZAMAN ABU BAKAR BIN MAAMOR
UNDANG LUAK JELEBU.

-----ooo0ooo-----

Hari Pertama Jumaat 3hb. November, 1967:

- | | | |
|-----------------|---|--|
| Jam 4.30 Petang | - | Semua Dato'2 Lembaga dan Juak2 hadir di-Telaga kerana memasang Alat2 Kebesaran dan apabila siap; Meriam di-tembakkan 9 kali. |
| Malam | - | Akan di-adakan Majlis berzanji. |

Hari Kedua Sabtu 4hb. November, 1967:

- | | | |
|---------------|---|--|
| Jam 8.30 Pagi | - | Yang Amat Mulia Dato' Undang dan To' Puan berangkat ka-tempat berlimau-langir di-mulai oleh Dato' Menteri, Keberangkatan Yang Amat Mulia pergi dan balek menaikki usongan yang telah di-sediakan serta di-arak dengan lagu Nashid; Meriam di-tembakkan 9 kali. |
| 9.45 " | - | Majlis bergambar. |
| 10.00 " | - | Istiadat Mengadap Yang Amat Mulia Dato' Undang di-jalankan di-mulai oleh Dato' Menteri dan di-ikuti oleh Waris2, Buapak2, Seko2 dan Kadzi; Meriam di-tembakkan 9 kali. |
| 11.30 " | - | Uchapan Pengerusi Majlis Adat. |
| 1.00 hari | - | Sabda Yang Amat Mulia Dato' Undang. |
| 1.30 " | - | Majlis Jamuan Agung di-Dewan Sek: Menengah Bandar Tinggi. |
| 2.30 Petang | - | Sabda Yang Amat Mulia Dato' Undang. |
| 4.00 " | - | Jamuan Ra'ayat di-Telaga Kampong Chenor. |
| 4.30 " | - | Istiadat Mengadap Yang Amat Mulia To' Puan. |
| 7.30 Malam | - | Yang Amat Mulia Dato' Undang berangkat ka-Makam Kg. Mengkam, Kuala Klawang. |
| | - | Pertunjukan 'Am di-Telaga Kg. Chenor. |
| | - | Pertunjukan 'Am Persembahan berbagai Kaum2 di-Padang Besar, Kuala Klawang. |

Hari Ketiga Ahad 5hb. November, 1967:

- | | | |
|---------------|---|---|
| Jam 9.00 pagi | - | Istiadat Mengadap Yang Amat Mulia Dato' Undang di-mulai oleh Dato' Shah Bandar di-ikuti oleh Dato'2 Dagang dan Penghulu2 Mukim. |
| 10.00 " | - | Istiadat Mengadap Yang Amat Mulia To' Puan. |
| 11.30 " | - | Uchapan Wakil Ra'ayat. |
| | | " Tuan Pegawai Daerah, Jelebu. |

- REHAT -

- | | | |
|-------------|---|---|
| 4.30 Petang | - | Pertandingan Akhir Pasokan Bola Sepak Sekolah2 Daerah Jelebu di-Padang Besar, K. Klawang. |
| 6.00 " | - | Membuka Alat2 Kebesaran menunjukkan selesai-nya Istiadat Tabal; Meriam di-tembakkan 9 kali. |
| Bachaaan | - | Do'a oleh Tuan Pemangku Mufti, Negeri Sembilan. |
| 7.30 Malam | - | Pertunjukan 'Am Persembahan berbagai Kaum2 di-Padang Besar, Kuala Klawang. |

SUSUNAN MAJLIS MENGADAP YANG AMAT MULIA
DATO' MENDIKA MENTERI AKHIRULZAMAN ABU BAKAR BIN MAAMOR
UNDANG LUAK JELEBU

HARI YANG PERTAMA

Jam 10.00 pagi. Dato'2 Lembaga

- | | | | |
|-----|-------|--|---------------------|
| 1. | Dato' | Menteri Othman bin Baginda | |
| 2. | " | Mengiang Merah Bangsa (akan di-istiharkan) | |
| 3. | " | Chinchang Maharaja Lela A. Jalil b. Panjang Rambut | |
| 4. | " | Senara Angsa Ismail bin Mohd Noh | <i>anale angket</i> |
| 5. | " | Amar Penghulu Hj. <u>Iasim</u> bin Hj. Salim | <i>d' saratikan</i> |
| 6. | " | Ombi S. Alwi bin S. Idrus | <i>diganti kan</i> |
| 7. | " | Raja Balang Said bin Mohammad | <i>salah (1997)</i> |
| 8. | " | Paduka Menti Sulaiman bin Abd. Ghani | |
| 9. | " | Maharaja Inda Ujang bin Hj. A. Ghaffar | |
| 10. | " | Raja Di-Raja Kecheh bin Kiman | |
- di-ikuti oleh Tuan Khadzi Jelebu.

SEKA2

- | | | | | |
|-----|------------|-------------------------|---|----------------------------|
| 1. | Seka Dato' | Menteri | = | Siti Maria binti Taalim |
| 2. | Seka " | Mengiang Merah Bangsa | | |
| 3. | " " | Chinchang Maharaja Lela | | Timah binti Othman |
| 4. | " " | Senara Angsa | = | Terinah binti Da'in |
| 5. | " " | Amar Penghulu | = | Pe'ah binti Markian |
| 6. | " " | Ombi | = | Sha: Noriah bt. S.A.Rahman |
| 7. | " " | Raja Balang | = | Napiah binti Mat Yasin |
| 8. | " " | Paduka Menti | = | Haliyah binti Abd. Ghani |
| 9. | " " | Maharaja Inda | = | Itam binti Hj. Abdullah |
| 10. | " " | Raja Di-Raja | = | Siah binti Kiman |

BUAPAK2

1. Buapak Dato' Menteri:
 - i. To' Beremban
 - ii. " Amar Paalawan
 - iii. " Lela Raja
 - iv. " Dagang
2. Buapak Dato' Mengiang Merah Bangsa:
 - i. To' Senara
 - ii. " Megat Maharaja
 - iii. " Penglima Hitam
3. Buapak Dato' Chinchang Maharaja Lela:
 - i. To' Akin
 - ii. " Sutan
 - iii. " Nara
4. Buapak Dato' Senara Angsa:
 - i. To' Laksamana
 - ii. " Majesetia
5. Buapak Dato' Amar Penghulu:
 - i. To' Menti Maharaja
 - ii. " Lela Setia
 - iii. " Seri Paduka

- | | |
|--------------------------------|-------------------------|
| 6. Buapak Dato' Ombi: | i. To' Lela Perkasa |
| | ii. " Senara Sati |
| | iii. " Imam Perang |
| 7. Buapak Dato' Raja Balang: | |
| | i. To' Beremban |
| 8. Buapak Dato' Paduka: | |
| | i. To' Muda |
| 9. Buapak Dato' Maharaja Inda: | |
| | i. To' Menteri Penghulu |
| | ii. " Lela Setia |
| | iii. " Laksamana |

SUSUNAN MENGADAP YANG AMAT MULIA TO'PUAN

Jam 2.30 petang: Susunan-nya sama seperti di-atas.

HARI YANG KEDUA

- Jam 9.00 pagi.
1. Dato' Shah Bandar
 2. " Sura
 3. " Sati
 4. " Muda ~~Komahai~~ (Al ~~... ..~~)
 5. " Empat
 6. " Setia Empat
 7. " Dagang
 8. " Penghulu2 Mukim Jelebu
 9. Tuan Khadzi Daerah Jelebu

SEKA2

1. Seka Dato' Shah Bandar = Linang binti Abd, Kadir
2. " " Sura = Hajiah Mahani
3. " " Sati = Shamsiah binti Hj. Ahmad
4. " " Muda = Wan Tijah binti Wan Da
5. " " Ampat = Raba'e binti Timbang
6. " " Setia Bangsa = Ibah binti Hj. Hussin
7. " " Dagang = Rekihah binti Buyong

BUAPAK2

1. Buapak Dato' Shah Bandar:
 - i. To' Juangsa
 - ii. " Laksamana
 - iii. " Perba
2. Buapak Dato' Sura:
 - i. To' Laksamana
 - ii. " Menteri
3. Buapak Dato' Sati:
 - i. To' Lela
 - ii. " Kanda
 - iii. " Jengkaya
 - iv. " Duka Seraja
4. Buapak Dato' Muda:
 - i. To' Amar
 - ii. " Penglima Jaya
 - iii. " Lela
5. Buapak Dato' Ampat:
 - i. To' Mangku
6. Buapak Dato' Setia Ampat:
 - i. To' Singa
 - ii. " Pati
7. Buapak Dato' Dagang:
 - i. To' Empat

AHLI2 JAWATAN KUASA KECIL KEWANGAN

Pengerusi: Inche' Muhammad Yassin bin Mustapha PJK.PDLN.
Setia Usaha: " Abdul Rahman bin Ismail PPM.
Ahli2: Y/B Inche' Lim Kim Kee PJK.
Tuan Haji Syed Mohammad Al-Habshi
Inche' S.V. Velloo PJK, JP.
" Ng Chow Hong PJK.
" Abbas bin Tahar
" P.M. Mathew

AHLI2 JAWATAN KUASA ADAT ISTIADAT

Pengerusi: Dato' Menteri Othman bin Baginda
Setia Usaha: " Ombi S.Alwi bin S.Idrus
Pn: S/Usaha: " Abdul Majid bin Mohd.Taib
Ahli2: " Raja Balang Said bin Mohammad
" Maharaja Inda Ujang bin Hj.A.Ghaffar
" Raja Di-Raja Kechek bin Kiman
" Chinchang Maharaja Lela A.Jalil b.Panjang Rambut

AHLI2 JAWATAN KUASA KECIL PERSIAPAN

Pengerusi: Inche' Hussin bin Abdullah PJK, AMN.
" R.S.Pillay PJK.
" Wong Kok Seng
" Basir bin Ali
" Mohd.Nor bin Mihat
" Ramasamy
Raja Kamarulzaman bin Raja Idris

AHLI2 JAWATAN KUASA KESELAMATAN

Pengerusi: Tuan Haji Syed Mohammad Al-Habshi
(Pegawai penjaga Polis Daerah Jelebu)
Ahli2: Anggota2 Polis Di-Raja Daerah Jelebu.

AHLI2 JAWATAN KUASA KECIL JEMPUTAN DAN SAMBUTAN

Pengerusi: Inche' Muhammad Yassin bin Mustapha PJK.PDLN.
Setia Usaha: " Abdul Rahman bin Ismail PPM.
Ahli2: " Alias bin A. Jabbar
" Itam bin Wok
" Abbas bin Tahar

AHLI2 JAWATAN KUASA KECIL CHENDERA MATA

Pengerusi: Inche' Abdul Karim bin Ponggok
Ahli2: " Ahmad bin Haji Alus
" Abdul Majid bin Mohd.Taib
" Goh Toh Poo
" Kamaruddin bin A.Samad
" Yusof bin Othman
" Mohd. Sharif bin Hj.Adan

AHLI2 JAWATAN KUASA KECIL JAMUAN AGONG

Pengerusi: Inche' Abdul Rahman bin Ismail PPM.
Ahli2: " Othman bin Mohammad Lela
" Md. Baki bin Maakin
" Abdul Majid bin Mohd. Taib
" Abdul Karim bin Pongkok
" Mohd. Derus bin Hj. A. Latif
" Lim Phang Kiam JP.
" Lim Ee Swee PJK.
" Abbas bin Tahar

AHLI2 JAWATAN KUASA KECIL JAMUAN RAAYAT

Pengerusi: Dato' Raja Balang Said bin Mohammad
Setia Usaha: Inche' Ludin bin Yunus
Ahli2: Dato' Maharaja Inda Ujang b. Hj. A. Ghaffar
" Sgt: Abdul Majid bin Zakaria
Inche' Ahmad Ramli bin Abd. Ghani
Tuan Haji Ariffin bin Sono
Inche' Buang bin Taib
" Mohd. Dom bin Dahalan
" Md. Yasin bin Shamsuddin
" Yusof bin Hj. Md. Din
" Abu Bakar bin Yasin
" Ghazali bin Mohd
" Abd. Kadir bin Maamor
" Ramli bin Jais
" Ariffin bin Abd. Kadir
" A. Aziz bin Hj. Roslan
" Mohd. Isa bin Ujang
Puan Sharifah Lo'lo binti S. Kechek

AHLI2 JAWATAN KUASA KECIL SOKAN

Pengerusi: Tengku' A. Razak bin T. A. Mulok PJK.
Setia Usaha: Che'gu Mokhtar bin Ahmad
Pn: S/Usaha: " Shatar bin Hashim
Ahli2: " Md. Baki bin Maakin
" M. Therugnanam
" Rustam bin Abu Samah
" Ibrahim bin Che' Mat
" Ahmad bin Hj. A. Rahman

AHLI2 JAWATAN KUASA KECIL HIBORAN

Pengerusi: Inche' Md. Derus bin Hj. A. Litif
Setia Usaha: " Mokhtar bin Ahmad
Ahli2: " Alias bin Hanafiah
" Ibrahim bin Che' Mat
" Abu Bakar bin A. Ghani
" A. Manaf bin Adam
Che' Teh binti Abdul
" Khadijah binti Ibrahim
" Kamar Mahtom binti A. Wahab
" Hafsah binti Idris

AHLI2 JAWATAN KUASA KECIL HIBORAN

Pengerusi: Y/B. Inche' Lim Kim Kee PJK.
Ahli2: Inche' Ng Chow Hong PJK.
" Lim Fong PJK.
" Lee Chit Sem PJK.
" Chong Chin Min PJK.
" Lim Ee Swee PJK.
" Chin Lai Sai PJK.
" Lim Chin Tack

AHLI2 JAWATAN KUASA KECIL HIBORAN BAHAGIAN INDIA.

Pengerusi: Inche' S.V.Velloo PJK, JP.
Ahli2: " R.S.Pillay PJK.
" Francis Xavier
" K.Vythilingam
" C.Ramasamy
" C.Revindran

AHLI2 JAWATAN KUASA KECIL HIBORAN BAHAGIAN ORANG ASLI

Pengerusi: Inche' Abdul Karim bin Sagar AMN.
Ahli2: " Kasmani bin Omar
" Hashim bin Ismail
To' Batin Sulim

AHLI2 JAWATAN KUASA KECIL PERHIASAN DAN KECHERIAN

Pengerusi: Inche' Ibrahim bin Hj. Mansor PJK, AMN.
Setia Usaha: " Ismail bin Abdullah
Ahli2:

- | | |
|----------------------------------|-------------------------------|
| 1. Tuan Hj. A.Rashid b.Jadi PJK. | 18. Inche' Siow Mien Yin |
| 2. " Hj. Asli bin Mohd.Amin | 19. " Ismail bin Ahmad |
| 3. Puan Lim Ang Teow PJK. | 20. " K.Kaliappan |
| 4. Inche' Lee Chit Sem PJK. | 21. " Siew Tee Sang |
| 5. Che'gu Md.Baki bin Maakin | 22. " A.Halim bin Mohd.Amin |
| 6. " Mohd. Salleh bin Raeh | 23. " Idin bin Abdullah |
| 7. " Harith bin Yusof | 24. " Chin Pin Lai |
| 8. " Mohd. Zin bin A.Jalil | 25. " Tang Song Chai |
| 9. " S.Yusof bin S.A.Rahman | 26. " Phang Thow Meng |
| 10. " Zainal bin Maarof | 27. " Siong |
| 11. " A.Rashid bin Hj.Hamid | 28. " Alimuddin |
| 12. " M.Therugnanam | 29. " Lim LLN. |
| 13. Inche Goh Toh Poo | 30. " Set Chin Hua |
| 14. " Geok Si Her | 31. " A.B.Yong |
| 15. " Iqbal Singh | 32. " Woo Kong |
| 16. " Chia Yook Cheong | 33. " Musa bin Hj.Yusof |
| 17. " Siow Kee Onn | 34. Puan Noriah binti A.Manaf |

PEMEREKSA KIRA2:

1. Inche' Omar bin Hj. Ahmad
2. " Chong Chin Ming PJK.

JURU ACHARA:

1. Inche' Abdul Karim bin Ponggok
2. " Mohammad bin Nasir

SUSUNAN SAMBUTAN PERAYAAN ISTIADAT TABAL
YANG AMAT MULIA DATO'UNDANG LUAK JELEBU.

Sabtu 4hb. November 1967.

4.30 petang
(di-Telaga Kg. Chenor)

Persembahan Orang2 Melayu:

- i. Panchak silat
- ii. Kompang
- iii. Keaslian Minang

Persembahan Orang2 Asli:

- i. Tarian Rentak Balai
- ii. " Siamang

7.30 malam
(di-Padang Besar
Kuala Klawang)

Persembahan Orang2 Melayu:

- i. Anika Ragam
- ii. Rentak Kuda
- iii. Peraduan Drama Purbawara
- iv. " Gitar Renchak

Persembahan Orang2 China:

- i. Tarian Singa
- ii. Tarian2 dan Nyanyian2

Persembahan Orang2 India:

- i. Tari Kuda
- ii. Tarian2 dan Nyanyian2

Jabatan Penerangan: Wayang Gambar.

Ahad 5hb. November 1967.

4.30 petang
(di-Padang Besar
Kuala Klawang)

Pertandingan Akhir Bela Sepak Sekolah2 Daerah Jelebu

7.30 malam

Persembahan Orang2 Melayu:

- i. Anika Ragam
- ii. Peraduan Gitar Renchak
- iii. " Pakaian Asli

Persembahan Orang2 China:

- i. Tarian Bunga Rus
- ii. " Temberin
- iii. Pencharagam Pemuda Pemudi Pertang

Jabatan Penerangan: Wayang Gambar.

JELEBU.

**SEJARAH, PERLEMBAGAAN,
DAN ADAT ISTIADAT-NYA.**



PENDAHULUAN

Dengan inayah Tuhan Yang Maha Kuasa dapat-lah di-susun buku kechil ini kangkuan saudara2 yang meminat sejarah Luak Jelevu. Sa-sungguh-nya buku yang di-beri nama Jelevu, Sejarah, Perlembagaan Adat dan Istiadat-nya' ini ada-lah sama sakali jangan di-anggap sabagai authority atau lain2-nya, ha-nya buku ini sabagai satu sumbar bacaan sejarah sahaja.

Selain dari tujuan menchatetkan sejarah yang di-sebarkan dari mulut ka-mulut sahaja maka buku ini sekarang sekurang2-nya sabagai bahan penyiasat bagi mereka menyelami lubok sejarah kampung halaman-nya.

Buku ini saya karang dan susunkan dengan mendapat bahan2 dari perchakapan mulut, keterangan yang di-beri bersendirian oleh orang tua2 dan buku2 chatitan mana2 yang terjumpa.

Sidang pembacha yang mulia, saya mendahului menghulorkan tangan memohon maaf di-atas segala kesilapan2 yang akan di-temui dalam masa membacha nanti, anggap-lah kesalahan2 itu sabagai yang tidak di-sengajakan dan kebetullan jua, sempena Tabal Undang Jelevu hari ini. Bersama2-lah kita membaiki-nya buat masa akan datang ini.

Kuala Klawang,
4hb. November, 1967.

Salam hormat dari,
Penyusun,
KALAM TERJALI.

BAB VI

TABURAN ADAT LUAK JELEBU

Hidup di-kandung Adat, Mati di-kandung Bumi. Adat dalam rangkaian kata adat perpatih ada-lah satu istilah yang pada hari ini selalu memberi tafsiran maksudnya yang mengelirukan. Ini ada-lah kerana istilah itu sendiri mempunyai maksud yang amat luas. "Adat berpangkal ka-bumi, adat berpuchok ka-langit. Adat Perpatih, Chinchang di-beri pampas, Mati-di-beri balas", Anak di-panggil makan anakbuah di-sorong balas. Mithal-nya istilah adat itu telah dan sedang di-gunakan orang untuk memaknakan yang mereka sayang akan-nya hingga timbul-lah perbilangan ini, "Biar mati anak jangan mati adat". Mati anak menangis ibu bapa-nya maka mati adat menangis-lah seluruh negeri. Dalam taburan-nya misti-lah berpandukan:- "Usul, usul, asah, asal, Asas jangan di-tinggalkan. Sakit bermula mati bersebab. Kata berasal hujan berpohon." Huraian-nya selidek dan siasat. Marah berjalan. Di-chari atau di-usuli darimana mula terbit-nya satu2 kejadian yang hendak di-adatkan itu sama ada pergaduhan atau penyelesaian atau sebagai-nya. Kalau hendak membuat sa-suatu penyelesaian dalam sa-suatu pergaduhan selalu-nya di-mulakan dengan panduan ini.

Adat Perpatih dalam ertikata-nya yang sabenar bukan maana-nya ada-lah suatu kumpulan undang2, jikalau boleh di-panggil undang2 yang tiada bertulis tetapi di-terima dengan baik oleh seluruh anggota masyarakat itu sendiri. Ia-nya ada-lah kumpulan perbilangan yang telah di-turunkan dengan perantaraan mulut dari ibu kepada anak semenjak beberapa kurun. Adat2 ini-lah yang mengawal gerak geri dan tata tertib masyarakat itu, ada-lah berdasarkan Undang2 Alam dan Sifat Perangai maanusai (Law of Nature). Susunan adat Perpatih ada-lah terbahagi kepada tiga bahagian ia itu adat semata2, adat yang teradat, dan adat yang di-adatkan. Dalam susunan adat perpatih ha-nya adat semata2 ini sahaja yang tidak bisa di-tukar ganti.

Ada pun adat semata2 itu kalau di-buat akan mendapat kebajikan dan kalau tidak menunaikan-nya ada-lah salah dan pada garis kasar-nya boleh di-katakan bahawa adat semata2 itu ada-lah sebagai hukum wajib dalam shara' ia itu mendapat pahala kalau mengerjakan-nya dan salah (Berdosa) kalau melanggar-nya. Di-antara perkara2 yang di-katakan adat semata2 dalam susunan adat perpatih itu ia-lah seperti ayer mengalir ka-kuala, Alam beraja, Luak berpenghulu suku bertua, dan anakbuah beribu-bapa. Ini ada-lah di-antara beberapa adat semata2 yang tidak biasa di-ubah dan di-tukar ganti itu. Dengan ini-lah timbul-nya perbilangan ini. Adat bersendikan hukum, hukum bersendikan Kitabullah. Adat ta' lapok dek hujan, ta' lekang dek panas.

Maka ada pun yang di-katakan adat yang teradat itu ia-lah seperti soal nikah kahwin, soal bersalin, bechukor anak, menyalang dan mengenal anak menantu. Adat2 sa-macam ini, tidak salah kalau tidak di-jalankan oleh anak buah, tetapi mendapat kepujian kalau menjalankan-nya. Apa2 yang teradat ini biasa di-ubah dan di-tukar ganti mengikut keadaan zaman asalkan mendapat muafakat dari suku dan puak2 itu sakalian. Adat itu ada-lah kepunyaan seluruh masyarakat itu. Oleh sebab itu maka sa-sa-orang itu tiada boleh berbuat sakedah hati-nya sendiri. Mereka terpaksa menurut kehendak adat itu jikalau mereka ingin hidup di-dalam masyarakat itu. Memandang kepada betapa penting-nya adat kepada masyarakat itu maka orang2 dulukala rela mengurbankan anak kandong mereka sendiri jikalau anak telah melanggar adat. Ini ada-lah di-dapati dari perbilangan yang berkata, Biar mati anak jangan mati adat.

Adat ada-lah menjaga ketenteraman masharakat itu, tetapi anak itu jikalau berjiwa tanggung jawab menjaga ketenteraman ibu bapa-nya sahaja. Oleh mementingkan masharakat daripada diri sendiri maka orang2 dulukala rela memutuskan tali jantong mereka sendiri agar jangan perbuatan itu merosakkan masharakat seluroh-nya saperti kata kiasan, Sebab nila sa-titik rosak susu ka-belanga, Lain Lubok Lain ikan, Lain padang lain belalang. Sa-orang Ahli ilmu jiwa pernah mengatakan bahawa maanusia itu ada-lah pada mula asal-nya berkelakuan kasar dan samula jadi-nya bersifat tamak, tetapi apabila mereka telah mula berkediaman di-dalam suatu kumpulan atau masharakat maka dengan sendiri-nya mereka menyerahkan kebebasan mereka itu kepada suatu badan yang di-beri kuasa penuh yaitu kerajaan dan pada adat perpateh pemegang adat itu-lah kerajaan-nya dan adat itu-lah undang2 kerajaan-nya. Badan itu ada-lah bertanggung jawab untuk menjaga keselamatan dan keadilan terhadap mereka. Sebaliknya mereka ia itu anak2buah serta buapak dan lembaga-nya ada-lah berkewajipan untuk menurut segala perintah adat itu atau pun kuasa-nya itu. Adat perpateh yang di-pakai oleh kebanyakan daripada penduduk2 Negeri Sembilan dan juga sabahagian daripada Melaka ada-lah berasal dari tanah Sabering, Minangkabau, Sumatra. Ini di-bawa oleh nenek moyang kita yang membuka negeri ini.

Oleh lama-nya perpisahan itu berlaku maka adat2 yang di-dapati di-kedua2 wilayah ini ada-lah banyak perbedzaan-nya. Ini ada-lah di-sebabkan oleh masa dan keadaan di-sakililing-nya. Bukan sahaja perbedzaan itu di-dapati di-antara Sumatra dan N. Sembilan bahkan di-Negri Sembilan sendiri ada perbedzaan itu di-antara daerah2 atau luak yang memakai Adat Perpateh itu sendiri. Perbedzaan ini bukan-lah pada dasar-nya tetapi ada-lah pada pembawaan-nya adat itu sahaja yaani berbedza tentang hak2 asasi masing2 itu sahaja. Ini mengikut chara kegunaan-nya adat itu di-tempatnya. Di-Jelebu dato'2 yang berkenaan chuma menasihatkan anakbuah-nya dalam perkara adat agar jangan terjadi beberapa perkara yang tidak di-ingini. Ada pun maksud yang utama di-dalam Adat Perpateh itu ia-lah ketenteraman keseluruh-nya. Ini meliputi dari keluarga sampai kepada seluroh negeri.

Oleh itu maka hendak-lah orang yang membawa adat perpateh itu beringat jangan pembawa adat itu mengakibatkan perpechahan dan permusohan. Sebab itu-lah maka selalu di-dapati bahawa beberapa perkara telah berjalan dengan baik-nya dengan tiada mengikut adat yang sabenar, ini ada-lah berdasarkan perbilangan yang berbunyi "Bulat ayer dek pemetong, Bulat maanusia dek muafakat. Muafakat ada-lah dasar yang utama bagi sesuatu adat itu. Jikalau tidak muafakat masakan adat itu, dalam perkara ini undang2 juga boleh di-jalankan. Untuk mengelakkan beberapa perkara yang tiada di-ingini berlaku akibat dari pembawaan adat itu maka roang2 dahulukala telah membekalkan beberapa perbilangan untuk menjadi pedomam dalam menyelesaikan yang kusut dan menjernehkanyang keroh saperti di-katakan tadi. "Di-anjak layu di-anggur Mati". Adat Perpateh itu ada-lah adat Saka- Adat yang mengikut keturunan dari sabelah ibu. Dengan ini maka si-anak itu ada-lah mewarithi si-ibu-nya bukan si-bapa. Dengan maksud ini maka adat itu telah dapat mengatasi beberapa kesulitan hidup di-dunia moden ini. Juga adat itu telah menyelamatkan masharakat itu daripada pengaruh kebendaan dan kekejaman, masharakat moden. Adat semata2 ia-lah umpama Aver mengalir, Alam beraja, Luak Berpenghulu, suku bertua, anakbuah beribubapa, itu sahaja yang tidak boleh di-tukar ganti.

Saperti kerajaan yang telah ada dalam dunia ini Adat Perpateh juga mempunyai perlembagaan sendiri. Ini ada-lah mengikut dasar adat SAKA yang tersebut di-atas tadi. Sungguhpun dasar adat yang di-pakai di-seluroh Negri Sembilan dan sabahagian negri Melaka sama tetapi perlembagaan-nya ada-lah berbedza. Ini mengikut tempat-nya. Di-Jelebu suatu badan yang di-panggil Tiang Balai tidak ada saperti yang di-

dapati di-Luak yang Lain2. Badan yang serupa kuasa-nya dengan ini ada-lah di-penohi oleh "Orang Delapan" atau Dato'2 Delapan. Dato' Delapan ini ada-lah Tua bagi warith2 dan suku2 yang mula2 di-abadikan di-dalam Luak Jelebu itu. Mereka2 ada-lah

- | | |
|---|--|
| 1. Dato' Menteri,
Sah Mangku Alam Raja Sahari. | Tua Warith Menteri
Biduanda Sasilah. |
| 2. Dato' Mengiang Merah Bangsa. | Lembaga Suku Mungkal. |
| 3. Dato; Chinchang,
Maharaja Lela. | Lembaga Suku Tanah Datar. |
| 4. Dato' Senara Angsa. | Lembaga Suku Batu Belang. |
| 5. Dato' Ombi,
Pangkal Maharaja Lela. | Tua Warith Ombi
Biduanda Sasilah. |
| 6. Dato' Raja Balang | Tua Warith Ulu Jelebu
Biduanda Warith Berundang |
| 7. Dato' Paduka Menti | Tua Warith Sarin
Biduanda Warith berundang. |
| 8. Dato' Maharaja Inda. | Tua Warith Kemin
Biduanda Warith Berundang. |

Segala suku2 dan warith2 yang tersebut ada-lah mewakili adat dalam perlembagaan-nya di-luak Jelebu; suku biduanda ada dua ia itu Suku Biduanda sasilah dan suku biduanda warith. Suku Batu Belang, Tanah Datar, Mungkal dan Tiga Batu. Suku Biduanda terbahagi kapada lima sabagai yang tersebut tadi ia itu warithsasilah dua dan warith Berundang tiga. Warith sasilah ia-lah warith menteri dan ombi dan warith berundang warith Ulu Jelebu, Sarin dan Kemin.

Sabagaimana yang telah teradat dan di-sahkan semua lima2 warith itu ada-lah berhak menerima sara hidup bulanan yang di-terima-nya di-panggil duit hasil negeri atau kata adat-nya Lemak Tanah, akan hal warith sarin pula telah di-pechah dua dan satu pechahan daripada-nya tidak boleh mengadakan Beneh Undang sebab-nya ia-lah kerana Tua-nya yang pertama Dato' Raja Teras, telah membunuh sa-orang raayat Undang dengan tidak menghiraukan Undang.

Semua jabatan di-dalam perlembagaan adat perpateh ada-lah di-pileh, ini berdasarkan pusaka dan geleran. Dasar pusaka itu ada-lah menurut dasar warithan jabatan itu. Pusaka Undang di-warithi oleh Warith yang tiga, yaitu warith Ulu Jelebu, Sarin dan Kemin. Maka salah satu daripada warith yang tiga ini berhak menyandang pusaka Undang itu pada satu ketika, dasar giliran itu ada-lah mengikut atoran yang tertentu bagi menyandang pusaka itu yang di-rangka dari zaman purbakala bagi. Ada pun lantekan dato' Tua suku atau warith itu berdasarkan pusaka dan gileran juga. Tetapi di-sini pusaka itu terhad kapada ahli2 suku atau warith itu sahaja, yaani yang berkenaan sahaja. Tentang gileran pula, ini kena kapada perut yang ada dalam suku atau warith itu. Ini ada-lah mengikut gileran yang tertentu juga di-antara perut itu.

Akan lantekan buapak pula, ini ada-lah berdasarkan pusaka sahaja. Ini ada-lah kerana ahli2 di-dalam sesuatu perut itu ada-lah berasal satu sebab itu-lah maka istilah perut itu di-gunakan untuk maksud kumpulan itu. Dasar adat ia-lah ada kebulatan menjadikan, Tiada kebulatan menyerah. Kesemua lantekan ini hendak-lah dengan sebulat suara (Kebulatan). Jikalau ada yang membangkang lantekan itu maka lantekan itu gugur dengan sendiri-nya. Jikalau tiada juga mendapat kebulatan maka lantekan itu di-serahkan kapada yang di-atas-Tua kapada Undang, Buapak kapada Tua. Ini ada-lah kerana segala lantekan itu ada-lah untuk sa-umor hidup-nya, kechuali jikalau orang yang di-lantek itu melanggar adat itu sendiri. Pendek kata orang yang

di-lantek itu tiada boleh membuat sakehendak hati-nya kechuali mengikut kata dan tunjokkan adat juga.

Sa-orang Undang tidak boleh membuat menggubal atau menukar apa2 hal perubahan taburan adat dengan tidak mengemukakan perkara itu kepada Kabinet Adat-nya ia itu kepada Dato' Delapan yang ada kuasa memecat dan mengesahkan lantekan sa-sa-orang Undang itu dan juga dalam hal adat berkenaan segala pegawai2 di-dalam kabinet-nya juga. Ini hendak-lah dengan syarat semua mereka berkebulatan dalam apa2 chadangan mereka. Undang di-pilih bergeler2 mengikut susunan adat dari warith yang tiga sahaja sabagai-mana di-bawah ini ia itu warith ulu Jelebu, warith sarin dan Kemin. Apabila sa-orang Undang Mangkat maka Dato' Menteri menjadi pemangku Alam Undang untuk beradat dan menguruskan menchari ganti-nya. Yang termaalom ia-lah Undang Mangkat, Undang Menanamkan dan ini bermaana tanggung jawab segala dato2 menjunjong pesaka adat ada-lah berat dalam masa menyandang ia itu misti-lah mengkaji untuk Bakal yang akan di-gantikan apabila sa-orang Undang itu mangkat dan bersama2 mendirikan adat maka dapat-lah menjalankan Tujokkan Adat Undang Mangkat Undang Menanam Bukan sabalek-nya.

Dato' Menteri sabagai pemangku Alam Undang sewajar-nya-lah mengendalikan dan memerintah kepada segala yang berkenaan dan perentah-nya pada hari itu di-panggil Sabda. Tugas Lembaga yang tiga mula-nya berlunas kepada Dato' Menteri dan memaalomkan untuk menchari Undang yang baharu. Dato' Menteri apabila di-beritahu oleh lembaga yang tiga merujokkan permintaan lembaga yang tiga itu kepada Dato' Ombi sabagai Tali Pesaka dan Dato' Ombi misti menghubongi warith yang tiga geler siapa yang kena untuk mengemukakan SA-ORANG bakal Undang. Dato' Ombi boleh dan berhak mengetahui berkenaan pesaka bertali kepada kepala warith menyambut geler itu sahaja. Ia boleh mengupas latar belakang Bakal itu yang di-kemukakan oleh warith-nya, dari pada Lembaga yang tiga. Bila Dato' Ombi Puas hati dalam hal pesaka ia pun membawa Bakal yang di-kemukakan di-panggil Beneh pada Dato' Menteri untuk di-istiharkan yaani menanam Beneh. Dato' Menteri boleh mengetahui bertanya berkenaan adat bersabit dengan bakal daripada warith itu mengupas hal2 adat-nya bertanya kepada lembaga yang tiga. Apabila mustaed ada-lah kewajipan Dato' Menteri mengemukakan Beneh itu kepada Majlis Adat Dato 2 Delapan berkebulatan menerima Bakal Undang itu untuk di-istiharkan lantekan-nya dan keputusan itu ada-lah mu'tamat bagi Adat-nya. Peristiharan lantekan di-suarakan oleh Dato' Menteri Sah Mangku Alam Raja Sahari sabagai Halunan Sembah. Tiga tahun sekali orang delapan mengadap untuk menjunjong sabda dan menyempurnakan kehendak2 adat mengikut susunan adat istiadat yang tertentu di-Luak Jelebu.

KANUN ADAT LUAK JELEBU

PERLEMBAGAAN ADAT JELEBU TERSIRAT DALAM SIRATAN YANG TERTERA DI-BAWAH INI.

PERTAMA MENCHABUT, KEDUA BERTANAM, SAH SA-KATA, BERKEBULATAN DATO'2 YANG DELAPAN.

KATA BERCHARI KAPADA LEMBAGA YANG TIGA,
YA ITU DATO' MENGIANG, DATO' CHINCHANG, DATO' SENARA.

TALI ADAT KAPADA MENTERI, TALI PESAKA KAPADA OMBI,
SAH BATAL SURUT LALU UNDANG KAPADA WARITH-NYA.
HIDUP MATI KAPADA UNDANG: GEMOK BERPUPOK SEGAR BERSIRAM KAPADA WARITH-NYA.

BILA WARITH ULU JELEBU MENJADI UNDANG,
DATO' RAJA BALANG TITIAN ADAT.

BILA WARITH SARIN MENJADI UNDANG,
DATO' PADUKA MENTI TITIAN ADAT.

BILA WARITH KEMIN MENJADI UNDANG,
DATO' MAHARAJA INDA TITIAN ADAT.

BILA ROSAK PESAKA BERTENGOK KAPADA DATO' OMBI, BILA ROSAK ADAT,
BERTENGOK KAPADA DATO' MENTERI.

PATAH TUMBOH, HILANG BERGANTI, GANTI HIDUP BERKERELAAN, GANTI
MATI BERKEBULATAN.

Untuk menjalankan pentadbiran adat ada-lah tugas masing2 di-dalam-nya.

1. DATO' LEMBAGA YANG TIGA.

Dato' Lembaga Yang Tiga ini mereka ada-lah di-pilih oleh anak2 buah dan buapak suku-nya dan buapak suku-nya itu pula oleh anakbuah-nya, mengikut gileran perut. Lembaga yang tiga berhak membuat aduan hal2 anakbuah dan adat, chadangan2 dan memohon untuk pilehan undang dan menjadi tanggung jawab-nya sabagai kata berchari. Dalam hal lain2-nya semua-nya misti di-buat-nya kapada Menteri sabagai Lunas Lembaga. Ia misti memikirkan segala2 hal2 yang datang dari lembaga itu dan membawa perkara itu ka-atas jika di-fikirkan bersesuaian dan baik. Ini ada-lah kerja dan kewajipan lembaga yang tiga selain daripada jati Tua pada segala suku-nya itu.

2. DATO' MENTERI & OMBI.

Dato' Menteri ada-lah pemangku Alam Undang pada masa antara kemangkatan sa-orang Undang dan lantekan yang baharu. Ia di-bolehkan mengetahui berkenaan adat bersabit dengan bakal undang, dari lembaga yang tiga untuk mengupas hal adat untuk lantekan undang baharu. Masa ada Undang ia-nya boleh membawa apa2 hal adat dari lembaga yang tiga ka-pengtahuan Undang sabagai kunchi Undang ia-lah Menteri. Tetapi Menteri tidak di-bolehkan memaalomkan kapada Undang Terus2an bersendirian, ia misti melalui Titian Adat. Dato' Ombi Tali Pesaka tempat berserempu-nya warith yang tiga memberi Beneh Bakal Undang. Ia-nya di-bolehkan mengetahui fasal Pesaka sahaja dan bertanya kapada Lembaga Yang Tiga.

3. TITIAN ADAT.

Titian adat ia-lah Kepala Warith yang menyandang Pesaka Undang Pada masa itu. Ia akan membawa apa2 bawaan atau aduan adat atau persembahan Menteri ka-pengtahuan Undang, dan jika perkara-nya sangat berat, memanggil semua warith-nya bersama. Warith undang akan memikirkan sama ada mereka patut menyokong undang berkenaan dengan hal yang di-adukan, atau di-surot dalam membuat satu2 rancangan ataudasar sabagai gemok berpupok segar bersiram atau membantu-nya jika di-fikirkan baik ia itu segar bersiram. Kuasa Undang itu ada-lah di-awasi dan terhad, di-hadkan dan dikuatkan oleh Warith-nya, dan dia juga ada pula kuasa Pembatal-nya.

4. UNDANG LUAK JELEBU (KUASA-NYA).

Sa-kecil2 anakbuah, Sa-Besar2 Undang, Tiada-lah orang lain yang mengatasi Kuasa Undang Itu. Hidup mati ada-lah kapada. Undang, juga dalam hal lantekan sa-sa-orang pegawai-nya ia hanya membuat rojokan memberitahu penerimaan sahaja di-depan orang delapan-nya. Dengan kebulatan yang delapan boleh sa-sa-orang itu di-bunuh atau lain-nya. Akas-nya di-singkir atau di-terima. Ini-lah kuasa veto-nya (Pembatal). Undang mempunyai banyak kebesaran dan ada mahkamah keadilan adat-nya di-mana Adat berator bilang tertentu dan di-jalankan selalu-nya di-Balai Panjang-nya.

5. DATO' DELAPAN.

Orang Delapan luak ini ia-lah Kepala2 warith dan suku2 di-sini ia itu dato'2 yang memegang kuasa untok menjalankan adat mengikut perlembagaan-nya, jikalau kebulatan telah di-dapati, lalu-lah jika belum berunding lagi. Pada mereka terpulang keputusan akhir dalam perkara lantekan dan pechatan di-luak Jelebu. Mereka juga misti di-bawa berunding berkenaan dalam semua perkara pentadbiran dan dasar perjalanan adat. Pada satu masa dulu bilangan mereka ada-lah sa-puloh kerana dato' Raja Di-Raja dan Dato' Lela Angsa bersama2 dalam-nya. Yang Ada delapan sekarang itu mewakili ahli2 asal-nya, oleh sebab Dato' Raja Di-Raja pun puncha-nya pechahan warith sarin dan Dato' Lela Angsa ada-lah oleh sebab ada-nya dari nisab Yamtuan Jelebu dahulu, apabila hilang, ia pun hapus dari balai Undang.

6. ADA PUN GAJAH TUNGGAL ITU IA-LAH (UNDANG).

Yamtuan Jelebu itu pada masa ada-nya dulu ha-nya-lah Tampok Keadilan, sa-ekor Ular Besar di-beri makan oleh Undang ia itu Gajah Tunggal. Bagitu-lah saloran perlembagaan adat Luak Jelebu, dengan sechara amalan praktikal-nya atau kuatkuasa-nya yang orang Jelebu telah anuti hingga hari ini. Bersirat2 dan berjalan2 dan banyak pechahan2 tetapi penoh dengan kekayaan perbilangan dan peratoran yang berupa Pepatah Petitih dan peratoran, nilai kebudayaan dan kesenian yang maseh praktikal dan boleh menyelamatkan maanusia, bukan chara kuku besi hingga ka-hari ini adat ini di-amalkan dengan berpandukan muafakat. Senang sahaja jika di-susor dasar adat itu ta' berapa di-hormati oleh orang sekarang yang menganggap diri-nya progressive, ha-nya untok pegangan lebeh daripada amalan hari2 ia-lah oleh sebab kepentingan kebendaan menjalar ka-dalam jiwa-nya. Tetapi adat Perpateh yang di-anggap Usang oleh pemuda pemudi sekarang itu tetap boleh berkembang sampai bila2 oleh sebab ia-nya mengutamakan muafakat yaani persesuaian yang sejati dari segala pehak, kerana satingkat yang menggunakan kuasa kuku besi akan hancor juga akibat-nya sabagaimana yang kita lihat dan dengan kerajaan dan negeri2 serta raja2 besar di-dalam dunia hari ini. Rumusan-nya yang telah berjalan dan sedang berjalan dan akan di-jalankan itu ada-lah berchorak Demokrasi. Dengan memilih sa-orang wakil bagi tiap2 satu kaum atau suku maka suatu perlembagaan yang praktis boleh di-jalankan. Ini ada-lah kerana sesuatu kumpulan itu tiada boleh menguasai yang lain dengan berdasarkan bilangan kerana walau pun bilangannya banyak tetapi suara mereka ada-lah serupa dengan kumpulan yang ramai atau kecil-nya ia itu satu sahaja. Dengan ini lah datang-nya Kanunan Adat "Undang Jelebu Berkeadilan dan Berlembaga." Pendek-kata tiap2 kumpulan di-dalam luak ini ada-lah di-wakili dan dengan ini maka suara mereka dari semua golongan ada-lah kedengaran. Maka ada-lah di-ingatkan di-sini bahawa chara memutuskan se-suatu perkara itu hendak-lah dengan kebulatan, sebulat suara tidak dengan suara banyak atau ramai saperti yang pernah di-jalankan di-dalam pemerintahan Demokrasi Barat.